



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
ARAS 8, BLOK C7, KOMPLEKS C
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62520 PUTRAJAYA.



Telefon : 03-8885 6000
Fax : 03-8888 5039
Web : <http://www.spa.gov.my>

Rujukan Kami : SPA.(S)KT 015/90/(3)

Tarikh : 24 Disember 2013

Ketua Pengarah
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
Cawangan Sumber Manusia
Jabatan Perdana Menteri
Tingkat 4-11, One IOI Square
IOI Resort
62502 W.P. PUTRAJAYA
(u.p.: Tuan Haji Md Misron bin Haji Yusof)

Tuan,

**PERWAKILAN KUASA MELAKSANAKAN OPSYEN PERTUKARAN
PELANTIKAN PEGAWAI PENGUAT KUASA MARITIM DAN PEGAWAI LAIN-
LAIN PANGKAT PENGUAT KUASA MARITIM KE SKIM PERKHIDMATAN YANG
BAHARU**

Dengan hormatnya surat tuan rujukan APMM.500-2/8/1(1) bertarikh 5 Disember 2013 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia dalam mesyuarat yang ke-2650 pada 23 Disember 2013 telah **meluluskan** pertukaran pelantikan melalui opsyen kepada Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-Lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim ke skim perkhidmatan yang baharu.

3. Bagi melaksanakan opsyen tersebut, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah membuat keputusan berikut:

- (i) tarikh kuat kuasa tawaran opsyen adalah mulai **1.11.2013**;
- (ii) tempoh opsyen adalah selama **30 hari** dari tarikh surat tawaran dikeluarkan;
- (iii) gaji yang ditawarkan adalah seperti yang ditetapkan dalam surat pelaksanaan JPA;
- (iv) mewakilkan kuasa kepada Ketua Pengarah APMM untuk menawarkan opsyen kepada pegawai yang terlibat; dan
- (v) mewakilkan kuasa kepada Ketua Pengarah APMM untuk melaksanakan urusan pengesahan dalam perkhidmatan kepada pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan yang terdahulu.

“PERKHIDMATAN AWAM UNTUK SEMUA”



4. Selaras dengan keputusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Ketua Pengarah APMM hendaklah mengeluarkan surat tawaran opsyen, syarat-syarat opsyen dan borang opsyen mengikut surat pelaksanaan Jabatan Perkhidmatan Awam JPA.BPO(S)187/6/2-1 Jld.7(20) bertarikh 29 Oktober 2013 kepada pegawai yang terlibat.




Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSAMA MENGGALAS TRANSFORMASI”

Saya yang menurut perintah,



(IKHBAL HANAM BIN MUKRAS)
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Malaysia.

 : 03-8885 6161
 : 03-8885039
 : ikhbal@spa.gov.my